

## Inkubator Produk Halal

Harian Metro

5 Oktober 2018

V38 | AGRO

HARIAN METRO  
JUMAT 5 OKTOBER 2018

# INKUBATOR PRODUK HALAL

Bina jaringan bantu ringan beban usahawan baru bangun perniagaan



### NIAGA TANI

Zaitie Sattihi  
zaisa@hmetro.com.my

Dalam usaha meluaskan skop aktiviti dan bimbingan kepada usahawan kecil serta sederhana sehingga mampu mengeksport produk mereka ke luar negara, Kumpulan Uniti Asia memulakan Pusat Inkubator Usahawan Produk Halal di ibu negara, baru-baru ini.

Pusat inkubator yang diluraskan anak syarikatnya, Uniti Office menyediakan kemudahan pejabat secara alam maya, ruang pejabat yang moden, lengkap dan murah serta bimbingan dari segi pengurusan perniagaan.

Presiden Kumpulan Uniti Asia, Datuk Jamal Md Amrin berkata, ia turut mencipta sejarah dengan menjadi syarikat pertama di Malaysia yang memulakan Pusat Inkubator Usahawan Produk Halal berkenaan yang turut bertujuan membantu mereka yang baru memulakan perniagaan dengan menyediakan ruang premis.

"Sehingga kini kami membantu 70 usahawan dalam pelbagai bidang bagi mengisi keperluan usahawan muda yang boleh menjadi pelapis dalam sektor masing-masing seperti tanaman atau pemprosesan makanan.

"Pusat ini bagi membantu meringankan beban usahawan ketika peringkat awal membangunkan perniagaan, malah kami menjalakkan usahawan akan menggunakan keenam-dua ini untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.

"Pusat ini bagi

memringankan beban usahawan ketika peringkat awal membangunkan perniagaan, malah kami menjalakkan usahawan akan menggunakan keenam-dua ini untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.

Jamal berkata, syarikat yang dibimbing mendapat manfaat daripada kemudahan pejabat yang di sediakan Uniti Office bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan di pasaran tempatan dan luar negara.

"Beberapa syarikat berjaya menembusi pasaran luar negara termasuk Indonesia dan Thailand.

Antara syarikat yang bersya menembusi pasaran Thailand ialah permainan kanak-kanak.

"Pada majlis ini juga kami melancarkan Uniti Office Business Group (UOBG) yang akan memainkan peranan mewujudkan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan kami untuk mengembangkan perniagaan mereka dan membantu usahawan baru," katanya.

Turut diadakan beberapa upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) memabntikan pelbagai syarikat dan agensi berujuan melonjakkan ijuan produk halal syarikat tempatan dan memperkenalkan produk

tempatan dan luar negara.

Antara MoU yang ditandatangani ialah Dris Global Sdn Bhd bersama JC Scope Marketing, Uniti Trading bersama Teknologi Park Malaysia dan Uniti Marshall bersama Dinstar.

Uniti Asia melalui Uniti Trading menandatangani perjanjian persefahaman dengan Teknologi Park Malaysia untuk bekerjasama dalam pengurusan pusat inkubator dan menyelakkan perkhidmatan mentor dan latihan kepada usahawan inkubator.

"Dris Global Sdn Bhd yang juga syarikat milik anak tempatan pula akan melancarkan produk terbarunya, pau jemaja UMMIE's selepas kejayaan

mengembangkan produk lain keluarannya di beberapa negeri manakala Uniti Educational Toys yang juga anak syarikat Uniti Asia akan melancarkan produk terbarunya, Arteria InUtero.

"Uniti Marshall, satu lagi anak syarikat Uniti Asia yang dilantik sebagai pengeluar bahan DinStar, antara syarikat komunikasi terbesar dari China akan menandatangani MoU dengan UEEC, Kolej Uniti bagi melahirkan usahawan dalam bidang komunikasi," katanya.

Jamal berkata, dengan pembubuhan pusat inkubator itu diharap lebih ramai usahawan terutama mereka yang ingin menempatkan diri dalam pembangunan fasa pertama mengambil peluang kemudahan disediakan sehingga berjaya bergerak sendiri dan mempunyai kewangan yang stabil.

"Pusat inkubator ini adalah salah satu cara untuk membangunkan syarikat usahawan di samping membantu mereka untuk bertahan dan meningkat dari semasa ke semasa terutama bagi yang memerlukan bimbingan dan bantuan.

"Program ini juga menyediakan saluran bantuan perniagaan dan kemudahan pejabat untuk perniagaan baru dengan matlamat antaranya mewujudkan pekerjaan dalam masyarakat, meningkatkan persaingan komuniti dalam keusahawanan, membantu perniagaan bertahan dengan lebih lama, mewujudkan atau menambah pendapatan industri tempatan serta memperkuatkan ekonomi negara," katanya.

**S**ehingga kini kami membantu 70 usahawan dalam pelbagai bidang bagi mengisi keperluan usahawan muda yang boleh menjadi pelapis dalam sektor masing-masing seperti tanaman atau pemprosesan makanan.

### JAMAL

"Pusat ini bagi membantu meringankan beban usahawan ketika peringkat awal membangunkan perniagaan, malah kami menjalakkan usahawan akan menggunakan keenam-dua ini untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.